


4 Kewangan Sektor Awam





Kewangan Sektor Awam

Tinjauan

Dasar fiskal instrumen kestabilan...

Dasar fiskal memainkan peranan yang lebih penting pada tahun 2009 dalam mengurangkan kesan kelembapan global ke atas ekonomi dalam negeri. Berikutan kejatuhan sektor luaran dan komuniti perniagaan yang lebih berhati-hati dan mengelak daripada mengambil risiko, campur tangan Kerajaan adalah penting bagi mengekalkan agregat permintaan dengan menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Pakej rangsangan ekonomi (PRE) telah diumumkan pada bulan November 2008 dan Mac 2009 bertujuan untuk melindungi pekerja daripada kehilangan pekerjaan, menyediakan latihan kemahiran dan latihan semula, membantu aktiviti sektor swasta serta meringankan beban golongan yang mudah terjejas. Justeru, defisit

fiskal dijangka meningkat daripada 4.8% pada tahun 2008 kepada 7.4% pada tahun 2009 berikutan langkah pengembangan fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sektor awam dijangka berkembang 12.0%, menyumbang 2.9 mata peratusan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (2008: 6.3%; 1.5 mata peratusan). Sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi pada tahun 2009, sumbangan sektor awam kepada KDNK kekal tinggi sebanyak 27.9% (2008: 24.2%).

Kerajaan Persekutuan

Defisit lebih tinggi...

Walaupun kutipan hasil stabil, perkembangan persekitaran luar terus memberi kesan kepada kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan. Pelaburan

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2008 – 2010

	RM juta			Perubahan (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Hasil	159,793	162,100	148,446	14.2	1.4	-8.4
Perbelanjaan mengurus	153,499	160,170	138,279	24.7	4.3	-13.7
Baki semasa	6,294	1,930	10,167			
Perbelanjaan pembangunan kasar	42,847	53,563	51,220	5.6	25.0	-4.4
Tolak: Terimaan balik pinjaman	959	518	571	-69.1	-46.0	10.2
Perbelanjaan pembangunan bersih	41,889	53,045	50,649	11.8	26.6	-4.5
Baki keseluruhan	-35,594	-51,115	-40,482			
% kepada KDNK	-4.8	-7.4	-5.6			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2010.



swasta dan prestasi eksport yang lembap serta peningkatan perbelanjaan berikutan pelaksanaan PRE dijangka memberi tekanan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Jumlah perbelanjaan pada tahun 2009 dijangka RM213.7 bilion manakala kutipan hasil RM162.1 bilion.

Hasil

Kutipan hasil stabil...

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 dijangka terus kukuh walaupun prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri lebih perlahan. Jumlah kutipan hasil dijangka mencatatkan pertumbuhan kecil 1.4% kepada RM162.1 bilion atau 23.4% daripada KDNK (2008: 14.2%; RM159.8 bilion; 21.6%). Walau bagaimanapun, hasil cukai dianggar menurun 5.7% kepada RM106.5 bilion, menyumbang 65.7% kepada keseluruhan hasil (2008: 18.6%; RM112.9 bilion; 70.7%). Penurunan ini disebabkan oleh penguncupan dalam kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung, mencerminkan aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta yang lebih perlahan serta keuntungan perniagaan yang lebih rendah. Namun begitu, pulangan pelaburan serta terimaan daripada penssekuritan dijangka meningkatkan hasil bukan cukai sebanyak 18.5% kepada RM55.6 bilion (2008: 4.9%; RM46.9 bilion).

Cukai langsung dijangka berkurangan 4.1% kepada RM78.7 bilion (2008: 18.4%; RM82.1 bilion). Selain cukai pendapatan syarikat, terimaan komponen utama cukai pendapatan lain dijangka meningkat. Hasil cukai pendapatan petroleum (PITA) yang dikira berasaskan harga tahun sebelumnya dianggar berjumlah RM27 bilion dengan purata harga minyak mentah USD103.69 setong pada tahun 2008. Cukai pendapatan syarikat dijangka merosot 16.0% sementara cukai pendapatan individu mencatatkan pertumbuhan 2.8% kepada RM15.4 bilion (2008: 17.4%; 28.3%; RM15 bilion). Penurunan dalam kutipan cukai pendapatan disebabkan oleh kelembapan aktiviti ekonomi, pelbagai insentif dan pengecualian cukai bagi merangsang aktiviti perniagaan di samping pengurangan cukai syarikat daripada 26%

pada tahun 2008 kepada 25% pada tahun 2009. Melalui Bajet 2009, kadar cukai pendapatan individu telah diturunkan bagi kumpulan pendapatan bercukai tertentu untuk memastikan kadar cukai kekal kompetitif serta meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Terimaan daripada komponen cukai langsung lain seperti cukai pendapatan koperasi (RM279 juta) dan cukai pegangan (RM1.3 bilion) dijangka stabil manakala duti setem dianggar merosot 14.5% kepada RM3 bilion menunjukkan sentimen perniagaan yang berhati-hati.

Industri minyak dan gas kekal sebagai penyumbang terbesar hasil cukai diikuti perdagangan borong dan runcit, pembuatan dan pengantaraan kewangan. Sehingga akhir bulan Ogos 2009, terdapat 5.3 juta pembayar cukai berdaftar iaitu 88.4% pembayar cukai individu, 8.3% syarikat manakala selebihnya termasuk pertubuhan dan pelbagai pertubuhan amanah. Hasil cukai yang dipungut adalah daripada 2.3 juta pembayar cukai iaitu 93.4% individu manakala syarikat dan lain-lain berjumlah 6.6%. Sejak sistem *e-Filing* diperkenalkan pada tahun 2006, bilangan pembayar cukai yang menggunakan sistem ini telah meningkat kepada 1.6 juta pada tahun 2009, bertambah 31.2% berbanding tahun 2008. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terus berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil melalui pentadbiran cukai yang lebih efisien, audit dan penyiasatan.

Hasil **cukai tidak langsung** dianggar lebih rendah berjumlah RM27.8 bilion, menyumbang 17.1% kepada jumlah keseluruhan hasil (2008: RM30.8 bilion; 19.2%). Harga komoditi dan kuantiti eksport yang rendah terutamanya minyak mentah serta tahap keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna yang lemah terus mempengaruhi terimaan kutipan cukai. Harga purata Tapis *blend* bagi sembilan bulan pertama tahun ini jauh lebih rendah pada USD60.70 setong (2008: USD103.69 setong) menyebabkan duti eksport menguncup 54.5% kepada RM1.3 bilion (2008: 19.7%; RM2.8 bilion). Duti eksais dianggar menurun 8.7% kepada RM9.8 bilion berikutan pengurangan jualan komponen utama seperti kenderaan, rokok dan minuman beralkohol.



JADUAL 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2008 – 2010


	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Hasil cukai	112,897	106,509	103,548	18.6	-5.7	-2.8	70.7	65.7	69.8
Cukai langsung antaranya:	82,138	78,735	75,916	18.4	-4.1	-3.6	51.4	48.6	51.1
Syarikat	37,741	31,684	35,728	17.4	-16.0	12.8	23.6	19.5	24.1
PITA ³	24,191	27,000	19,366	18.3	11.6	-28.3	15.1	16.7	13.0
Individu	14,966	15,379	15,837	28.3	2.8	3.0	9.4	9.5	10.7
Cukai tidak langsung antaranya:	30,760	27,774	27,632	19.4	-9.7	-0.5	19.2	17.1	18.6
Duti eksais	10,683	9,756	10,291	18.8	-8.7	5.5	6.7	6.0	6.9
Cukai jualan	8,374	8,457	7,778	26.1	1.0	-8.0	5.2	5.2	5.2
Hasil bukan cukai	46,896	55,592	44,898	4.9	18.5	-19.2	29.3	34.3	30.2
Lesen/permit	11,101	9,796	9,005	17.7	-11.8	-8.1	6.9	6.0	6.1
Pendapatan pelaburan	32,271	42,385	32,322	-0.4	31.3	-23.7	20.2	26.1	21.8
Jumlah hasil	159,793	162,100	148,446	14.2	1.4	-8.4	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	21.6	23.4	20.5						

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2010.³ Cukai pendapatan petroleum.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

CARTA 4.1

Hasil Kerajaan Persekutuan



Liberalisasi duti import yang selari dengan komitmen berterusan Malaysia terhadap perjanjian perdagangan serantau dan dua hala akan menyebabkan kemerosotan terimaan duti import kepada RM2 bilion (2008: RM2.6 bilion). Penurunan perbelanjaan syarikat turut menjejaskan kutipan duti import. Terimaan cukai jualan dan perkhidmatan kekal menggalakkan berikutan peningkatan penggunaan swasta dan perbelanjaan pelancong. Levi keuntungan luar biasa ke atas minyak sawit mentah (CPO) yang diperkenalkan pada tahun 2008, dianggar RM15 juta (2008: RM339 juta). Levi ini dikenakan apabila harga CPO melebihi RM2,000 setan metrik. Walau bagaimanapun, paras siling bagi levi tersebut dinaikkan kepada RM2,500 setan metrik di Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan metrik di Sabah dan Sarawak di bawah PRE II. Purata harga CPO bagi sembilan bulan pertama tahun ini RM2,252 setan metrik (2008: RM2,773 setan metrik).

Hasil bukan cukai dianggar RM55.6 bilion, meningkat 18.5% berbanding tahun 2008 dan

menyumbang 34.3% kepada jumlah keseluruhan hasil (2008: RM46.9 bilion; 4.9%; 29.3%). Sumber utama hasil bukan cukai adalah terimaan dividen daripada Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) dan Bank Negara Malaysia (BNM) serta lesen dan permit. Royalti petroleum dan cukai jalan yang merupakan komponen utama lesen dan permit dijangka menyumbang RM6.6 bilion. Di samping itu, terimaan daripada penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan dan dividen syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dijangka meningkatkan kutipan hasil bukan cukai.

Perbelanjaan

Perbelanjaan lebih tinggi...

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat 8.9% kepada RM213.7 bilion pada tahun 2009. Daripada jumlah ini, RM160.2 bilion atau 74.9% diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan baki RM53.6 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2008 – 2010

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Emolumen	41,011	37,974	42,163	25.9	-7.4	11.0	26.7	23.7	30.5
Bayaran khidmat hutang	12,797	13,473	15,886	-0.9	5.3	17.9	8.3	8.4	11.5
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	4,365	4,903	4,855	11.8	12.3	-1.0	2.8	3.1	3.5
Pencen dan ganjaran	10,022	8,178	10,810	21.5	-18.4	32.2	6.5	5.1	7.8
Bekalan dan perkhidmatan	25,197	26,809	20,846	6.7	6.4	-22.2	16.4	16.7	15.1
Subsidi	35,166	24,526	20,920	235.5	-30.3	-14.7	22.9	15.3	15.1
Pemberian kepada badan berkanun ³	12,584	12,351	11,183	17.5	-1.9	-9.5	8.2	7.7	8.1
Bayaran balik dan hapus kira	716	890	679	-32.6	24.3	-23.7	0.5	0.6	0.5
Lain-lain	11,641	31,067	10,938	-40.5	166.9	-64.8	7.6	19.4	7.9
Jumlah	153,499	160,170	138,279	24.7	4.3	-13.7	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	20.8	23.1	19.1						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2010.

³ Termasuk emolumen.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat perlahan pada kadar 4.3%, walaupun dengan tambahan suntikan fiskal berjumlah RM5 bilion di bawah PRE II. Ini berikutan peningkatan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2008 sebanyak 24.7% kepada RM153.5 bilion disebabkan tekanan inflasi ekonomi dalam negeri ekoran harga makanan dan minyak mentah global yang tinggi. Pertumbuhan perbelanjaan mengurus yang lebih perlahan pada tahun 2009 turut disumbangkan oleh langkah perbelanjaan berhemat serta penstrukturan semula subsidi bahan api. Di samping itu, penjimatan subsidi bahan api digunakan bagi membiayai PRE I yang berjumlah RM7 bilion.

Emolumen merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus, menyumbang 23.7% atau RM38 bilion. Peruntukan ini termasuk pemberian bantuan khas sebanyak RM500 seorang kepada 860,000 kakitangan awam dalam Kumpulan Sokongan bagi meringankan beban kewangan. Pemberian khas *one-off* ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM430 juta. Komponen utama lain perbelanjaan mengurus iaitu *subsidi* dianggar berkurangan 30.3% kepada RM24.5 bilion, antaranya bagi menampung perbelanjaan subsidi bahan api, pelbagai subsidi lain, insentif dan bantuan untuk program jaminan makanan, biasiswa dan skim bantuan pendidikan, program kebajikan masyarakat serta program bantuan Orang Asli.

Pada tahun 2009, peruntukan untuk subsidi bahan api dijangka menurun ketara 48.6% kepada RM9 bilion (2008: 134.9%; RM17.6 bilion) dipengaruhi harga minyak mentah yang lebih rendah. Harga purata minyak mentah *West Texas Intermediate* (WTI) untuk sembilan bulan pertama adalah USD57.21 setong (2008: USD99.92 setong). Penjimatan tambahan sebanyak RM260 juta juga diperoleh pada tahun ini berikutan penstrukturan semula subsidi bahan api bermula 1 September 2009. Melalui penstrukturan ini, Kerajaan memperkenalkan petrol RON95 yang dijual pada harga RM1.80 seliter manakala RON97 merupakan petrol gred premium yang dijual pada harga RM2.05 seliter.

Penjimatan turut diperoleh daripada jumlah pembayaran *one-off* rebat tunai kepada pemilik kenderaan persendirian berkuat kuasa bulan April 2008. Sejumlah RM7 bilion diperuntukkan bagi keseluruhan program tersebut iaitu RM5 bilion bagi tahun 2008 dan selebihnya bagi tahun 2009. Jumlah keseluruhan pembayaran rebat tunai kepada 9.9 juta pemilik kenderaan berdaftar dalam tempoh setahun pelaksanaan program adalah RM4.4 bilion. Penjimatan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM1.1 bilion berikutan pembayaran sebenar berjumlah RM899 juta.

Sejumlah RM915 juta diperuntukkan dalam bentuk subsidi, insentif dan bantuan kewangan yang memanfaatkan petani, nelayan dan pengusaha ternakan. Ini selaras dengan Dasar Jaminan Makanan Negara yang diumumkan pada bulan April 2008 yang menggariskan keperluan untuk meningkatkan produktiviti subsektor makanan serta mengekalkan kestabilan harga makanan keperluan asas. Di bawah PRE II, beberapa langkah *one-off* diperkenalkan untuk meringankan beban rakyat termasuk subsidi gula, roti dan tepung berjumlah RM674 juta dan tambahan RM480 juta untuk mengekalkan kadar tol pada tahun 2009.

Bantuan kewangan berjumlah RM348 juta disediakan bagi meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya dan golongan mudah terjejas. Dalam Bajet 2009, kriteria kelayakan pendapatan isi rumah bagi bantuan kebajikan untuk penerima yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat ditingkatkan daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 sebulan bagi Sarawak dan RM960 sebulan bagi Sabah. Melalui langkah ini, jumlah penerima yang layak mendapat bantuan kebajikan dijangka meningkat kepada 135,200 isi rumah dan 84,400 warga emas.

Biasiswa untuk pelajar di semua peringkat pendidikan dan program bantuan pendidikan dianggar RM6.8 bilion. Peruntukan ini termasuk bantuan kewangan berjumlah RM4.6 bilion disediakan kepada pelajar, pelatih di pusat



Prestasi Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi¹ (PRE)

Pengenalan

Krisis kewangan global menjadi lebih buruk pada suku kedua 2008. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil, terbuka dan bergantung kepada perdagangan, Malaysia telah mendapat impak kemelesetan ekonomi global melalui aliran perdagangan dan kewangan. Bagi menghadapi krisis kewangan yang semakin meruncing, berlarutan dan rumit, satu pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7 bilion telah diumumkan pada 4 November 2008. Pakej ini bertujuan mengurangkan kesan kegawatan kewangan global ke atas ekonomi domestik, mengukuhkan daya tahan dan mengekalkan momentum pertumbuhan.

Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE I)

Pakej rangsangan ekonomi ini dibiayai melalui penjimatan subsidi bahan api berikutan kejatuhan harga minyak mentah. Keutamaan diberikan kepada projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi, kandungan import yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan segera. Pakej ini termasuk:

- i. Menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara kemudahan awam termasuk sekolah, hospital dan jalan raya;
- ii. Menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara balai polis dan kem serta kuarters pasukan beruniform;
- iii. Membina rumah kos rendah dan sederhana;
- iv. Dana pelaburan untuk menarik pelaburan swasta;
- v. Mempercepatkan pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi;
- vi. Menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara pengangkutan awam;
- vii. Membiayai program latihan kemahiran di institusi latihan swasta;
- viii. Melaksanakan projek infrastruktur asas kecil dan penyelenggaraan; dan
- ix. Program Rakan Muda.

Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II)

Berikutan kemelesetan ekonomi global yang semakin meruncing dan perdagangan negara yang terus merosot, PRE II yang lebih komprehensif berjumlah RM60 bilion diumumkan pada 10 Mac 2009. Pakej ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun, bertujuan merangsang ekonomi dalam jangka masa pendek di samping membina keupayaan produktif dalam jangka masa panjang.

Teras PRE II adalah untuk:

- i. Mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan;
- ii. Mengurangkan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas;
- iii. Membantu sektor swasta menghadapi krisis; dan
- iv. Membina keupayaan masa depan.

PRE II terdiri daripada:

- i. Suntikan fiskal sebanyak RM15 bilion iaitu RM10 bilion pada tahun 2009 dan RM5 bilion pada tahun 2010;
- ii. Dana jaminan sebanyak RM25 bilion;
- iii. RM10 bilion pelaburan ekuiti;
- iv. RM7 bilion untuk inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan projek *off-budget*; dan
- v. RM3 bilion insentif cukai.

Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek, beberapa peraturan dan garis panduan berkaitan perolehan telah dilonggarkan dan penurunan kuasa diberi kepada kementerian dan agensi pelaksana. Ini termasuk:

- i. Had siling untuk perolehan barangan dan perkhidmatan melalui sebut harga telah dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM500,000;

¹ Rencana ini disediakan dengan input daripada Unit Pemantauan Projek (PMU).



- ii. Kontraktor layak untuk menerima bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada nilai kontrak atau maksimum RM20,000 untuk membantu kontraktor memulakan kerja;
- iii. Penurunan kuasa kepada Lembaga Perolehan dan jawatankuasa sebut harga kementerian dan agensi untuk melantik konsultan dan meluluskan fi konsultan. Penurunan kuasa ini adalah untuk projek pembangunan, kajian mengenai projek fizikal dan bukan fizikal serta kerja pengukuran tanah; dan
- iv. Tempoh iklan tender dikurangkan daripada 21 hari kepada 14 hari.

Unit Pengurusan Projek

Unit Pengurusan Projek (PMU) telah ditubuhkan untuk memastikan kedua-dua pakej rangsangan dapat dilaksanakan dengan pantas dan efisien. Bagi memantau pelaksanaan program dan projek di bawah pakej rangsangan ini, satu Jawatankuasa Teknikal antara agensi di peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini juga bermesyuarat setiap minggu untuk mengkaji laporan daripada kementerian dan agensi pelaksana serta membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan program dan projek. PMU melaporkan kemajuan dan isu berkenaan pelaksanaan projek setiap dua minggu kepada Majlis Ekonomi (EC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Dengan adanya mekanisme pemantauan ini, pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan berjalan dengan lancar dan dijangka dapat disiapkan mengikut jadual.

Prestasi terkini

Di bawah PRE I, sejumlah RM6.8 bilion telah diagihkan kepada pelbagai kementerian dan agensi. Sejumlah 53,571 projek bernilai RM6.1 bilion telah ditawarkan. Sehingga akhir September 2009, sebanyak RM4.3 bilion telah dibelanjakan. Pada akhir tahun 2009, semua projek dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya dan memanfaatkan lebih daripada 50,000 kontraktor kelas F hingga kelas A.

Sementara itu, di bawah PRE II, sehingga akhir September 2009, sejumlah RM14.5 bilion telah diagihkan kepada kementerian dan agensi berkaitan yang melibatkan 31,158 projek bernilai RM7.6 bilion. Setakat ini, sebanyak RM3.9 bilion dibelanjakan dan 10,710 projek telah disiapkan. Sehingga akhir tahun 2010, semua program dan projek di bawah PRE dijangka dapat disiapkan.

Tiga skim dana jaminan berjumlah RM25 bilion telah diperkenalkan untuk mengembalikan keyakinan pelabur dan memastikan aliran kredit yang berterusan untuk menyokong aktiviti sektor swasta. Ini meliputi Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK), Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturan Semula Industri (SJPSI) dan Institusi Jaminan Kewangan (FGI). Sehingga akhir September 2009, pinjaman sejumlah RM5.7 bilion SJMK telah diluluskan kepada 4,358 syarikat dan RM429 juta SJPSI kepada 133 syarikat. Berikutan permintaan terhadap SJMK yang menggalakkan, had jaminan pinjaman skim ini telah dinaikkan daripada RM5 bilion kepada RM7 bilion manakala had jaminan pinjaman SJPSI telah dikurangkan sebanyak RM2 bilion kepada RM3 bilion. Sektor-sektor yang mendapat akses kepada skim ini adalah perdagangan borong dan runcit, pembuatan, harta tanah dan pembinaan.

Danajamin Nasional Berhad yang merupakan institusi jaminan kewangan mula beroperasi pada bulan Mei 2009 bagi menyediakan penambahan kredit untuk membantu sektor swasta mendapatkan dana daripada pasaran bon. Danajamin mempunyai modal berbayar sebanyak RM1 bilion dan dijangka mampu menjamin terbitan bon sehingga RM15 bilion. Sehingga akhir September 2009, sebanyak tujuh permohonan telah diterima untuk penambahan kredit pembiayaan bon yang bernilai RM1.7 bilion. Permohonan diterima terutamanya daripada sektor minyak dan gas, harta tanah dan pembinaan serta sektor perkhidmatan kewangan.

Khazanah Nasional Berhad akan melaksanakan pelaburan dalam negeri sebanyak RM10 bilion dalam sektor strategik termasuk telekomunikasi, teknologi, pelancongan, pertanian, sains hayat dan projek di wilayah Iskandar Malaysia. Pelaburan ini termasuk meningkatkan infrastruktur jalur lebar, hotel, taman tema serta projek pertanian di Setiu dan Cameron Highlands. Pelaburan ini dijangka mewujudkan 70,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2011.

Melalui PFI dan pembiayaan *off-budget* bernilai RM7 bilion, beberapa projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan termasuk Taman Perindustrian Tanjung Agas, kluster bioteknologi di Iskandar Malaysia serta menaik taraf sistem penyuraian trafik di sekitar KL Sentral. Menerusi kerjasama sektor awam dan swasta dalam bidang pendidikan, GLC dijangka menubuhkan 10 sekolah yayasan. Projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secara *off-budget* termasuk pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan menaik taraf lapangan terbang Pulau Pinang. Pembinaan LCCT ini akan melibatkan peruntukan berjumlah RM2 bilion, meliputi satu bangunan terminal utama, landasan terbang sepanjang 3.7 kilometer, kawasan meletakkan kapal terbang dan prasarana berkaitan. Terminal utama dijangka akan mula beroperasi pada bulan September 2011. Projek menaik taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang yang bernilai RM250 juta akan menambah kapasiti penumpang dan seterusnya membangunkan potensi pulau tersebut sebagai hab logistik dan pelancongan. Projek tersebut dijadualkan selesai pada akhir tahun 2011. Kerja-kerja permulaan bagi kedua-dua projek tersebut berjalan lancar mengikut jadual.

Insentif cukai bernilai RM3 bilion telah disediakan untuk mengurangkan kos kendalian perniagaan, menggalakkan pelaburan ke atas loji dan jentera, mengubah suai dan membaik pulih premis perniagaan, melindungi pekerja daripada kehilangan pekerjaan serta meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

Status Pelaksanaan PRE

	Kerja dalam pembinaan		Perbelanjaan
	Bilangan Projek	Nilai (RM juta)	(RM juta)
PRE I	53,571	6,126	4,291
PRE II	31,158	7,598	3,868
Jumlah	84,729	13,724	8,159

Kesan PRE

Tanda-tanda kestabilan ekonomi telah kelihatan di negara maju walaupun masih terdapat kebimbangan dalam prospek pekerjaan dan paras gaji yang tidak berubah. Sentimen perniagaan dan pengguna telah bertambah baik dan ini memberi kesan kepada negara memandangkan Malaysia adalah sebuah ekonomi yang bergantung tinggi kepada persekitaran luaran. Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara dicerminkan oleh penurunan kecil Indeks Pengeluaran Industri (IPI), eksport dan import serta peningkatan harga komoditi, pasaran ekuiti, dan sentimen perniagaan dan pengguna.

Kesan positif langkah fiskal disokong oleh pelonggaran dasar monetari dapat dilihat terutamanya dalam sektor pembinaan. Hanya sektor ini yang telah merekodkan pertumbuhan positif 1.1% pada suku pertama 2009. Pelaksanaan kerja penyelenggaraan sekolah, hospital dan kuarters kerajaan serta projek infrastruktur kecil luar bandar telah memberi sumbangan besar kepada sektor ini. Dirangsang oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan penggunaan swasta yang semakin meningkat, ekonomi menguncup lebih perlahan 3.9% pada suku kedua 2009. Sektor perkhidmatan dan pertanian kembali mencatatkan pertumbuhan 1.6% dan 0.3% manakala sektor pembinaan terus kukuh 2.8%.

Kesimpulan

Impak keseluruhan kedua-dua PRE ini dijangka lebih ketara pada suku ketiga dan keempat 2009, dan juga pada tahun 2010. Walaupun permintaan dalam negeri bertambah baik dan disokong oleh aktiviti ekonomi global yang meningkat, pertumbuhan ekonomi negara dijangka menguncup 3.0% pada tahun 2009 dan kembali berkembang pada tahun 2010.



latihan kemahiran dan untuk pembangunan kerjaya profesional. Di samping itu, RM247 juta disediakan bagi skim bantuan tuisyen dan RM1.5 bilion untuk skim bantuan makanan di sekolah. Pemberian kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) adalah berjumlah RM400 juta. Sejumlah RM36 juta diperuntukkan bagi meningkatkan kebajikan Orang Asli melalui bantuan berbentuk bahan pertanian, pendidikan dan skim bantuan makanan.

Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 16.7% daripada perbelanjaan mengurus dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 6.4% kepada RM26.8 bilion (2008: 16.4%; 6.7%; RM25.2 bilion) selaras dengan langkah Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal. Sejumlah besar perbelanjaan adalah bagi bayaran khidmat profesional dan teknikal serta penyelenggaraan, pembaikan dan sewaan. Perbelanjaan lain adalah termasuk bayaran bekalan, perjalanan serta perhubungan dan utiliti.

Pemberian kepada badan berkanun dijangka menurun 1.9% kepada RM12.4 bilion (2008: 17.5%; RM12.6 bilion) terutamanya untuk pembayaran emolumen kakitangan serta bekalan dan perkhidmatan. Pemberian terbesar meliputi 55.2% atau RM6.8 bilion diperuntukkan kepada 21 institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan tiga hospital pengajar. Selain itu, LHDN dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut menerima peruntukan yang besar.

Bayaran khidmat hutang dijangka meningkat 5.3% kepada RM13.5 bilion (2008: -0.9%; RM12.8 bilion) sejajar dengan peningkatan pinjaman Kerajaan bagi membiayai defisit fiskal. Peratusan bayaran khidmat hutang kepada jumlah perbelanjaan mengurus masih rendah dan terkawal pada 8.4% (2008: 8.3%). Selain itu, peruntukan yang besar disediakan untuk *pencen dan ganjaran* (RM8.2 bilion), *geran dan pindahan kepada kerajaan negeri* (RM4.9 bilion) serta *perolehan aset* (RM2.4 bilion).

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2008 – 2010

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Perkhidmatan ekonomi	21,353	27,863	25,382	6.1	30.5	-8.9	49.8	52.0	49.6
antaranya:									
Pertanian dan pembangunan luar bandar	4,184	3,700	3,130	8.9	-11.6	-15.4	9.8	6.9	6.1
Perdagangan dan perindustrian	4,581	5,746	4,382	-6.6	25.4	-23.7	10.7	10.7	8.6
Pengangkutan	9,212	8,633	6,661	8.4	-6.3	-22.8	21.5	16.1	13.0
Perkhidmatan sosial	13,717	18,963	20,308	6.4	38.2	7.1	32.0	35.4	39.6
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	7,892	11,716	11,065	25.8	48.5	-5.6	18.4	21.9	21.6
Kesihatan	1,652	2,605	3,594	10.4	57.7	38.0	3.9	4.9	7.0
Perumahan	1,780	1,452	1,461	-39.6	-18.4	0.6	4.2	2.7	2.9
Keselamatan	5,779	4,547	3,728	1.3	-21.3	-18.0	13.5	8.5	7.3
Pentadbiran am	1,998	2,191	1,802	7.8	9.7	-17.8	4.7	4.1	3.5
Jumlah	42,847	53,563	51,220	5.6	25.0	-4.4	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	5.8	7.7	7.1						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2009 dianggarkan meningkat 25.0% kepada RM53.6 bilion (2008: 5.6%; RM42.8 bilion). Perkhidmatan ekonomi menerima peruntukan terbesar 52.0% diikuti oleh perkhidmatan sosial (35.4%), keselamatan (8.5%) dan pentadbiran awam (4.1%).

Jumlah peruntukan bagi sektor *perkhidmatan ekonomi* adalah RM27.9 bilion, meliputi RM8.6 bilion bagi subsektor pengangkutan. Peruntukan ini bagi membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan dan jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti serta infrastruktur luar bandar. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk menaik taraf Lebuhraya Skudai – Senai dan Lebuhraya Skudai – Jalan Abu Bakar di Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), Jalan Lingkaran Alor Setar – Tasik Pedu – Gurun dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa II dari Jabur ke Kuala Terengganu. Projek landasan kereta api dalam pembinaan termasuk landasan berkembar Ipoh – Padang Besar, Seremban – Gemas dan Sentul – Batu Caves serta pembelian enjin dan gerabak kereta api oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Projek pembangunan lain termasuk menaik taraf lapangan terbang Kota Kinabalu, Labuan dan Kuching, penggantian *cable stay* Jambatan Pulau Pinang serta sistem penyuraian lalu lintas KL Sentral.

Peruntukan bagi subsektor perdagangan dan industri meningkat 25.4% kepada RM5.7 bilion berbanding tahun 2008. Program utama termasuk meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian, program pembangunan vendor automotif, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), membiayai pelaburan strategik serta melaksanakan program pembangunan kemahiran dan keusahawanan. Peruntukan juga disediakan untuk pembangunan infrastruktur bersepadu dan projek khas di lima wilayah koridor. Projek koridor akan menyediakan peluang pelaburan kepada sektor swasta, mewujudkan pekerjaan serta mengembangkan kemahiran keusahawanan di kalangan komuniti tempatan. Bagi mempromosi pelancongan, fokus akan diberi kepada usaha menaik taraf kemudahan dan infrastruktur berkaitan pelancongan, menjalankan

aktiviti promosi secara intensif di dalam dan luar negara serta mempelbagaikan produk pelancongan. Projek dan program sedia ada seperti ekopelancongan, Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan rumah inap akan terus dipergiatkan. Industri pelancongan kesihatan akan dirancakkan lagi apabila cadangan penubuhan *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) di bawah Kementerian Kesihatan direalisasikan. MHTC akan membangunkan dan mempromosikan Malaysia sebagai sebuah hab penjagaan kesihatan serantau.

Subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar merangkumi 6.9% atau RM3.7 bilion daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2008: 9.8%; RM4.2 bilion). Tumpuan diberi terhadap kaedah pertanian moden dan komersial, aktiviti peningkatan nilai ditambah, pendekatan pemasaran secara inovatif serta akreditasi ladang. Bagi mencapai matlamat ini, projek yang dilaksanakan termasuk inisiatif Zon Industri Akuakultur, Taman Pengeluaran Makanan Kekal dan Ladang Kontrak di beberapa negeri. Perkhidmatan pertanian dan latihan kemahiran akan ditingkatkan supaya usaha memajukan subsektor ini lebih berkesan. Peruntukan juga disediakan untuk program membasmi kemiskinan di Sabah dan Sarawak, menaik taraf rangkaian saliran dan pengairan, memajukan tanah dan kawasan serta projek berkaitan akuakultur dan penternakan, penanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan florikultur.

Kemudahan awam, tenaga dan komunikasi diperuntukkan RM3.9 bilion atau 7.2% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Bagi mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar serta meningkatkan kualiti hidup di kawasan luar bandar, keutamaan diberi untuk meningkatkan kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik, telekomunikasi serta perkhidmatan pembetulan. Kemudahan yang sama juga akan diperluaskan untuk penduduk miskin di bandar.

Sektor *perkhidmatan sosial* diperuntukkan RM19 bilion dengan subsektor pendidikan dan latihan merupakan penerima terbesar RM11.7 bilion atau 21.9% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan



(2008: RM7.9 bilion; 18.4%). Peruntukan diberi untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan serta menyelenggara dan menaik taraf peralatan universiti, politeknik, pusat latihan kemahiran, kolej komuniti dan latihan perguruan. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk menaik taraf dan membesarkan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Politeknik dalam pembinaan atau penaiktarafan termasuk di Mersing, Nilai, Jeli, Sandakan dan Muadzam Shah. Peruntukan besar berjumlah RM2.4 bilion turut disediakan untuk pendidikan prasekolah, rendah dan menengah.

Perbelanjaan subsektor kesihatan dianggar RM2.6 bilion atau 4.9% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan. Peruntukan ini disediakan untuk membangun, menaik taraf dan menyelenggara hospital dan klinik kesihatan serta membeli peralatan perubatan dan kesihatan. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk membina Hospital Kluang, Hospital Psikiatri Tampoi, Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Shah Alam serta menaik taraf Hospital Pulau Pinang Fasa I dan Hospital Batu Pahat. Penaiktarafan Pusat Perubatan Sabah akan dipercepatkan bagi memastikan kelancaran perkhidmatan kesihatan dan perubatan. Peruntukan besar juga disediakan untuk mempertingkatkan penjagaan kesihatan penduduk luar bandar termasuk membina klinik desa, kesihatan dan pergigian serta menaik taraf kemudahan kesihatan luar bandar di seluruh negara.

Peruntukan RM1.5 bilion untuk subsektor perumahan bagi membina kediaman mampu milik golongan berpendapatan rendah serta keperluan perumahan kakitangan awam termasuk kakitangan beruniform. Pada tahun 2009, 7,240 unit Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu, 1,600 unit PPR Disewa dan 300 unit PPR Dimiliki dijangka disiapkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Di bawah PRE I, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang membina 2,733 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan membaik pulih 4,831 unit rumah yang melibatkan 15 projek perumahan terbengkalai.

Di bawah sektor perkhidmatan sosial, peruntukan disediakan bagi menambah baik perkhidmatan dan kemudahan di peringkat tempatan (RM1.4 bilion) serta pembangunan komuniti dan luar bandar termasuk Orang Asli (RM1.2 bilion). Perbelanjaan ini terutamanya bagi pengurusan sisa pepejal, perkhidmatan bomba, kebajikan warga emas dan golongan terpinggir, menaik taraf dan membina kemudahan taman dan rekreasi serta melaksanakan projek pembersihan sungai. Untuk memastikan kestabilan pendapatan masyarakat miskin tegar luar bandar, pelbagai program penjana pendapatan seperti skim agropolitan di Pulau Banggi Sabah dan Tanjung Gahai di Pahang terus dilaksanakan. Skim agropolitan Pekan yang baru dilancarkan di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) akan melaksanakan projek seperti penanaman kelapa sawit dan penternakan biri-biri yang melibatkan 1,450 keluarga miskin tegar termasuk Orang Asli.

Keselamatan negara dan ketenteraman awam terus diberi keutamaan. Peruntukan bagi sektor *keselamatan* RM4.5 bilion akan disediakan untuk menambah kapasiti dan keupayaan kakitangan beruniform dengan menaik taraf peralatan serta meningkatkan pengawasan dan kemahiran. Peruntukan *pentadbiran am* dijangka bertambah 9.7% kepada RM2.2 bilion (2008: 7.8%; RM2 bilion) berikutan usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan sistem penyampaian sektor awam. Pembangunan aplikasi baru ICT dan penggunaan yang lebih meluas dalam sektor awam akan ditingkatkan secara berterusan. Peruntukan juga disediakan untuk pengubahsuaian, pembaharuan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan seperti kuarters, mahkamah dan institut latihan.

Pembiayaan

Sumber pembiayaan dalam negeri...

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 dijangka mencecah RM93.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM42.8 bilion adalah bayaran balik pinjaman sedia ada manakala baki RM50.5 bilion untuk menampung defisit tahun ini. Dengan jumlah hasil melebihi perbelanjaan mengurus, pinjaman tersebut adalah

JADUAL 4.5
**Pembiayaan Kerajaan Persekutuan
2008 – 2009**

	RM juta		Bahagian (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Pinjaman kasar	60,472	93,299	100.0	100.0
Dalam negeri	60,000	93,000	99.2	99.7
Terbitan Pelaburan	16,500	29,000	27.3	31.1
Sekuriti Kerajaan	43,500	64,000	71.9	68.6
Luar negara	472	299	0.8	0.3
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	472	299	0.8	0.3
Bayaran balik	25,292	42,817	100.0	100.0
Dalam negeri	24,346	36,100	96.3	84.3
Luar negara	946	6,717	3.7	15.7
Pinjaman bersih	35,180	50,482		
Dalam negeri	35,654	56,900		
Luar negara	-473	-6,418		
Perubahan aset²	414	633		
Jumlah	35,594	51,115		

¹ Anggaran.

² (+) bererti penggunaan harta.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

untuk menampung perbelanjaan pembangunan. Berikutan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan, keperluan pembiayaan akan diperoleh melalui sumber dalam negeri dan dijangka tidak menjejaskan peluang pembiayaan sektor swasta.

Pada tahun 2009, pembiayaan sebanyak RM64 bilion akan diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) manakala baki RM29 bilion melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). SKM kekal sebagai sumber terbesar pembiayaan, meliputi 68.8% daripada jumlah pinjaman kasar dalam negeri. Daripada jumlah SKM ini, lima terbitan baru berjumlah RM20.5 bilion diperoleh melalui tender terbuka, dua terbitan baru berjumlah RM2 bilion melalui tawaran persendirian manakala baki RM41.5 bilion menerusi 12 terbitan semula SKM sedia ada. Pada sembilan bulan pertama tahun ini, kadar kupon terbitan baru SKM dengan tempoh

matang 5 dan 10 tahun adalah dalam lingkungan 3.74% hingga 4.38% setahun berbanding 3.46% hingga 3.58% setahun pada tempoh yang sama tahun 2008.

Kerajaan juga dijangka menerbitkan sembilan TPK baru sebanyak RM29 bilion pada tahun 2009 termasuk tiga terbitan melalui tawaran persendirian. Pada akhir Jun 2009, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (40.6%), pemilik asing (10.1%), institusi perbankan (24.3%) dan syarikat insurans (7.5%) merupakan pemilik utama SKM dan TPK. Terbitan sekuriti Kerajaan yang dibuat dari semasa ke semasa menjadi penanda aras pulangan hasil bagi mengembangkan lagi pasaran bon tempatan.

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mengurangkan hutang luar dan meminimumkan pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing, dijangka tiada program pinjaman luar baru pada tahun 2009. Sejak tahun 2005, bayaran balik hutang sedia ada melebihi terimaan pinjaman. Sejumlah RM299 juta dijangka diperoleh menerusi pengeluaran pinjaman iaitu melalui sumber dua hala (RM218 juta) dan pelbagai hala (RM81 juta) bagi membiayai projek dan program sedia ada berkaitan bidang pendidikan dan latihan, penjaan tenaga, bekalan air, pembetulan serta penyediaan kemudahan ICT dan pengangkutan rel.

Hutang

Hutang kekal terurus...

Kerajaan akan memastikan paras hutang terus terkawal melalui dasar makroekonomi yang efektif dan sistem pemantauan hutang yang cekap. Pada akhir Jun 2009, hutang negara kekal rendah pada 33.7% daripada KDNK (2008: 32.0%) sementara hutang Kerajaan Persekutuan dijangka lebih tinggi pada tahun 2009.

Hutang Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah 18.3% kepada RM362.5 bilion pada akhir 2009 (akhir 2008: 14.9%; RM306.4 bilion) terutamanya disebabkan



JADUAL 4.6

**Hutang Kerajaan Persekutuan
2008 – 2009**

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Hutang dalam negeri	286,121	348,621	93.4	96.2	38.7	50.4
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	1.4	1.2	0.6	0.6
Terbitan Pelaburan	42,500	66,500	13.9	18.3	5.8	9.6
Sekuriti Kerajaan	213,801	246,701	69.8	68.1	28.9	35.7
Tabung Pinjaman Perumahan	25,500	31,100	8.3	8.6	3.5	4.5
Hutang luar	20,316	13,898	6.6	3.8	2.8	2.0
Pinjaman pasaran	11,891	6,054	3.9	1.7	1.6	0.9
Pinjaman projek	8,425	7,844	2.7	2.2	1.1	1.1
Jumlah	306,437	362,520	100.0	100.0	41.5	52.4

¹ Anggaran.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

peningkatan pinjaman dalam negeri untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Berikutan itu, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK dijangka meningkat kepada 52.4% (akhir 2008: 41.5%). Walaupun paras hutang telah meningkat beberapa tahun kebelakangan ini, kemampuan membayar balik hutang terus kukuh dan merupakan perbelanjaan tanggungan. Hutang luar Kerajaan Persekutuan sebagai peratusan kepada jumlah keseluruhan hutang dijangka terus menurun kepada 3.8% (2008: 6.6%) dan sebahagian besar dalam mata wang dolar AS dan yen. Jumlah bayaran khidmat hutang sebagai peratusan kepada perbelanjaan mengurus dan hasil kekal terurus pada 8.4% dan 8.3% (2008: 8.3%; 8.0%).


Hutang negara yang terdiri daripada hutang luar Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta berkurangan kepada RM233.3 bilion pada akhir Jun 2009 (akhir 2008: RM236.2 bilion). Pengurangan disebabkan bayaran balik bersih hutang jangka sederhana dan panjang oleh sektor awam dan swasta. Kerajaan Persekutuan dan PABK mencatatkan bayaran balik kasar lebih tinggi berikutan beberapa pinjaman

yang telah matang dan bayaran balik pokok. Sementara itu, sektor swasta mencatatkan bayaran balik bersih terutamanya disebabkan bayaran balik pinjaman antara syarikat, sebahagian besar oleh sektor pembuatan.

Hutang jangka sederhana dan panjang merangkumi 63.0% daripada jumlah hutang negara dan sebahagian besar dalam dolar AS. Hutang luar Kerajaan Persekutuan meliputi 9.7% daripada jumlah hutang jangka sederhana dan panjang manakala hutang luar PABK 39.9% dan sektor swasta 50.4%. Sementara itu, hutang jangka pendek berjumlah RM86.3 bilion pada akhir Jun 2009 disebabkan peningkatan aktiviti pinjaman antara bank. Sektor perbankan kekal pemilik terbesar hutang jangka pendek dengan jumlah RM76.6 bilion atau merangkumi 88.8% manakala bakinya dimiliki oleh sektor bukan bank. Nisbah khidmat hutang luar berjumlah 8.0%, mencerminkan kekukuhan pendapatan eksport untuk membayar tanggungan hutang. Pada akhir Jun 2009, nisbah rizab antarabangsa kepada hutang luar jangka pendek lebih daripada mencukupi bagi menampung 3.7 kali hutang luar jangka pendek.

CARTA 4.2

Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan Mengikut Mata Wang



¹ Anggaran disemak.

² Termasuk pound sterling.

Nota: Angka di dalam carta bar merupakan % daripada jumlah.

JADUAL 4.7

Hutang Negara 2008 – 2009

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	156,546	147,028	66.3	63.0	21.2	21.2
Sektor awam	83,462	72,890	35.3	31.2	11.3	10.5
Kerajaan Persekutuan	20,316	14,262	8.6	6.1	2.8	2.1
PABK	63,146	58,628	26.7	25.1	8.5	8.5
Dijamin	14,547	13,831	6.2	5.9	2.0	2.0
Tidak dijamin	48,599	44,797	20.6	19.2	6.6	6.5
Sektor swasta	73,084	74,138	30.9	31.8	9.9	10.7
Hutang jangka pendek	79,635	86,275	33.7	37.0	10.8	12.5
Jumlah	236,181	233,303	100.0	100.0	32.0	33.7

¹ Akhir Jun 2009.



JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2008 – 2009

	RM juta		Perubahan (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Akaun semasa				
Hasil	17,152	16,330	27.1	-4.8
Perbelanjaan mengurus	8,204	9,141	13.1	11.4
Baki akaun semasa	8,948	7,190		
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	7,284	8,163	10.1	12.1
Kumpulan wang pembangunan	6,803	7,699	8.7	13.2
Kumpulan wang bekalan air	481	464	35.5	-3.5
Tolak: Terimaan balik pinjaman	311	606	-34.8	94.9
Perbelanjaan pembangunan bersih	6,973	7,557	13.6	8.4
Baki keseluruhan	1,976	-367		
% kepada KDNK	0.3	-0.1		

¹ Anggaran disemak.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Hasil kerajaan negeri diunjur berkurangan 4.8% kepada RM16.3 bilion (2008: 27.1%; RM17.2 bilion) terutamanya disebabkan kemerosotan cukai tidak langsung dan pulangan pelaburan yang lebih rendah. Royalti daripada petroleum dan perhutanan, pendapatan pelaburan, premium tanah dan cukai lain berkaitan tanah merupakan penyumbang utama hasil kerajaan negeri yang merangkumi 53.3%. Sumber hasil lain termasuk fi lesen dan permit, sewaan serta terimaan daripada penyediaan perkhidmatan. Geran dan bayaran balik Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM2 bilion atau 12.2% daripada hasil kerajaan negeri.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kemudahan awam dan kualiti perkhidmatan, kerajaan negeri dijangka mencatatkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus diunjur meningkat 11.4% kepada RM9.1 bilion manakala perbelanjaan pembangunan 12.1% kepada RM8.2 bilion. Emolumen serta bekalan dan perkhidmatan kekal komponen terbesar perbelanjaan mengurus meliputi 59.6% manakala selebihnya untuk perolehan aset dan pemberian kepada kerajaan tempatan, badan berkanun dan kumpulan wang amanah lain. Perbelanjaan pembangunan akan digunakan bagi tujuan pertanian dan pembangunan luar bandar, pengairan dan saliran, projek bekalan air, perumahan, kemudahan awam dan infrastruktur.

Kerajaan Negeri

Defisit kecil...

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatatkan lebih akaun semasa yang lebih rendah RM7.2 bilion (2008: RM8.9 bilion) kesan peningkatan dalam perbelanjaan mengurus dan hasil yang berkurangan. Berdasarkan pertumbuhan perbelanjaan pembangunan yang melebihi pertumbuhan hasil, kedudukan kewangan disatukan dijangka mencatatkan defisit rendah RM367 juta (2008: RM2 bilion), pertama kali sejak tahun 2003. Defisit keseluruhan dibiayai sebahagian besar melalui geran dan pinjaman serta penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Sektor Kerajaan

Komitmen lebih tinggi...

Kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun. Setelah mengambil kira pindahan dan pinjaman, sektor kerajaan dianggar mencatat defisit lebih tinggi RM46.6 bilion atau 6.7% daripada KDNK pada tahun 2009 (2008: -RM27.5 bilion; -3.7%). Anggaran hasil yang rendah dan pertambahan komitmen

JADUAL 4.9
**Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan
2008 – 2010**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Akaun semasa						
Hasil	189,644	185,107	176,331	16.7	-2.4	-4.7
Perbelanjaan mengurus	166,295	175,578	156,750	22.7	5.6	-10.7
Baki akaun semasa	23,349	9,529	19,581			
Perbelanjaan pembangunan	50,808	56,162	55,461	13.1	10.5	-1.2
Baki keseluruhan	-27,459	-46,633	-35,881			
% kepada KDNK	-3.7	-6.7	-5.0			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2010.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan, badan berkanun dan kerajaan negeri telah meningkatkan defisit keseluruhan. Pada tahun 2009, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM12.4 bilion dan RM4.9 bilion kepada badan berkanun dan kerajaan negeri dalam bentuk geran dan pindahan melalui pebelanjaan mengurus.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Lebih semasa tinggi...

Selaras dengan persekitaran operasi yang semakin mencabar, hasil PABK disatukan dijangka mengalami penurunan 14.4% kepada RM316.3 bilion pada tahun 2009 (2008: 16.4%; RM369.6 bilion). Ini berikutan kejatuhan permintaan minyak mentah, harga komoditi yang rendah dan kemerosotan prestasi jualan dijangka memberi kesan kepada margin industri. Perbelanjaan semasa disatukan juga dijangka menguncup 24.5% kepada RM234 bilion (2008: 29.9%; RM310 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan bil import dan kos bahan mentah, bayaran khidmat hutang yang lebih

JADUAL 4.10
**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
2008 – 2009**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2008	2009 ²	2008	2009 ²
Hasil	369,614	316,331	16.4	-14.4
Perbelanjaan semasa	309,976	233,998	29.9	-24.5
Lebih semasa	59,639	82,333		
% kepada KDNK	8.1	11.9		
Perbelanjaan pembangunan	73,846	68,799	43.2	-6.8
Lebih keseluruhan	-14,207	13,533		
% kepada KDNK	-1.9	2.0		

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.

² Anggaran disemak.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

rendah serta pengurangan perbelanjaan melalui penambahan kecekapan operasi. Lebih semasa dijangka meningkat 38.1% kepada RM82.3 bilion, disumbangkan terutamanya oleh PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).



Transformasi GLC – Kemajuan dan Cabaran¹

Pengenalan

Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) merujuk kepada entiti perniagaan yang kepentingannya dikawal secara langsung oleh Kerajaan². Sementara GLC menjalankan aktiviti perniagaan, GLIC pula melabur dalam syarikat terpilih dan strategik, termasuk GLC.

Terdapat 33 buah GLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia, yang hanya mewakili 4.0% daripada jumlah syarikat tersenarai dengan modal pasaran sebanyak RM235.5 bilion atau 49% daripada jumlah permodalan dan mempunyai lebih daripada 300,000 pekerja. GLC kekal sebagai pembekal utama perkhidmatan utiliti dan infrastruktur serta perbankan dan kewangan. Ia juga merupakan peneraju utama dalam Pembangunan Koridor seperti Kawasan Pembangunan Ekonomi Iskandar Malaysia, Pantai Timur dan Utara. Mengambil kira saiz dan aktiviti perniagaannya yang meluas, ia memberi impak yang signifikan terhadap ekonomi dan menyumbang kira-kira 17% kepada pembentukan modal tetap kasar negara serta hampir 10% kepada KDNK.

Program Transformasi GLC

Sebelum ini GLC tidak mencapai tahap prestasi pasaran Malaysia secara keseluruhan – trend ini memberi risiko kepada usaha negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Bagi mengelakkan trend tersebut dari berterusan, Kerajaan telah melaksanakan transformasi GLC sebagai keutamaan negara dan penting dalam merealisasikan Wawasan 2020. Bagi mengubah GLC dan GLIC kepada entiti berprestasi tinggi, Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT) telah dilancarkan pada tahun 2004. Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk memberi bimbingan dan memantau kemajuan Program Transformasi tersebut. Program selama 10 tahun ini adalah untuk meningkatkan prestasi GLC supaya sekurang-kurangnya setanding dengan pesaing domestik yang lain, dengan beberapa GLC menjadi syarikat unggul di peringkat serantau atau global menjelang 2015.

Program GLCT adalah berasaskan tiga prinsip utama, iaitu:

- i. Pembangunan negara – Program ini merupakan elemen yang penting bagi memajukan strategi pembangunan negara yang lebih luas termasuk pertumbuhan dengan ekuiti, meningkatkan produktiviti faktor keseluruhan, membangunkan modal insan dan komuniti peniaga Bumiputera;
- ii. Fokus kepada prestasi – untuk mewujudkan nilai ekonomi dan pemegang saham melalui penambahbaikan prestasi GLC; dan
- ii. Urus tadbir – berhubung rapat dan mengurus ekspektasi pemegang berkepentingan dengan meningkatkan urus tadbir di dalam GLC (contohnya pekerja, pelanggan, pembekal dan Kerajaan).

Kemajuan


Selepas lima tahun, pencapaian yang ketara semakin dapat dilihat. Sokongan dan komitmen Kerajaan membolehkan GLC mempercepatkan usaha pembaharuan. PCG mengekalkan momentum transformasi GLC melalui pemantauan beberapa penunjuk prestasi utama yang diselaraskan secara strategik dengan matlamat GLCT yang lebih luas. Perubahan dalam Pengurusan Tertinggi dan komposisi Lembaga Pengarah GLC merupakan inisiatif transformasi utama yang membawa kepada penambahbaikan yang signifikan dari segi kewangan dan operasi.

¹ Rencana ini disediakan dengan input daripada Khazanah Nasional Berhad.

² Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) terdiri daripada Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.



Program Transformasi GLC



Sumber: Manual GLCT, Julai 2005

Program Transformasi bermula dengan GLC mengambil langkah mengurangkan kos dan penstrukturan semula kunci kira-kira sebagai asas penting untuk pertumbuhan yang kukuh. Impak serta-merta langkah-langkah tersebut ialah kejatuhan dalam pendapatan agregat G-20 pada tahun 2005 yang kemudiannya diikuti dengan pertumbuhan kukuh untuk beberapa tahun seterusnya apabila usaha-usaha awal penstrukturan semula membuahkan hasil³. Beberapa inisiatif yang lain termasuk program pemulihan operasi (MAS dan Bank Islam), penyusunan semula yang strategik melalui penggabungan (Sime Darby Berhad) dan pengasingan (TM dan Axiata) serta pengembangan syarikat di peringkat serantau (CIMB). Berikutan usaha tersebut beberapa GLC telah mencatat keuntungan yang lebih tinggi (Bumiputera-Commerce Holdings Berhad, Sime Darby Berhad dan Axiata).

Sungguhpun pendapatan agregat jatuh 24.0% pada tahun 2008 berikutan kelembapan ekonomi global, ia masih 53.0% lebih tinggi berbanding tahun 2004. Sebilangan besar G-20 kini mencatat keuntungan ekonomi yang positif⁴. G-20 juga telah menunjukkan penambahbaikan operasi yang signifikan dengan jumlah pulangan pemegang saham mengatasi prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) sebanyak 2.4% iaitu berdasarkan kadar pertumbuhan tahunan berkompas (CAGR)⁵. Pemodal pasaran juga adalah 60.0% atau RM96 bilion lebih tinggi sejak Program GLCT dilancarkan.

Prestasi GLC yang lebih baik memberi manfaat kepada pemegang berkepentingan, iaitu dari segi penyampaian perkhidmatan yang lebih baik, pembangunan modal insan dan prospek peluang pekerjaan yang lebih cerah serta amalan terbaik dalam urusan perolehan dan program pembangunan vendor. GLC juga telah meningkatkan lagi inisiatif tanggungjawab sosial korporat dan memberi sumbangan yang ketara dalam bidang pendidikan, perlindungan alam sekitar dan kebajikan masyarakat.


³ G-20 adalah pilihan syarikat yang dikawal oleh GLIC. Setakat bulan Februari 2009, terdapat 19 GLC selepas penggabungan Sime Darby dan pemecahan gabungan TM.

⁴ Keuntungan ekonomi (EP) – mengukur penambahan nilai ke atas kos modalnya.

⁵ CAGR sejak Program dilancarkan hingga 1 September 2009.



Pendapatan Agregat G-20 (RM juta)




Sumber: Laporan Tahunan G-20, Bloomberg dan Analisis PCG

Komposisi G-20


1. AFFIN HOLDINGS BERHAD
2. BIMB HOLDINGS BERHAD
3. BUMPUTRA-COMMERCE HOLDINGS BERHAD
4. BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD
5. CHEMICAL COMPANY OF MALAYSIA
6. GOLDEN HOPE PLANTATIONS BERHAD
7. KUMPULAN GUTHRIE BERHAD
8. MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD
9. MAYBANK
10. MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS
11. MALAYSIA BUILDING SOCIETY BERHAD
12. MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD
13. POS MALAYSIA & SERVICES HOLDINGS
14. PROTON HOLDINGS BERHAD
15. SIME DARBY BERHAD
16. TELEKOM MALAYSIA BERHAD
17. TENAGA NASIONAL BERHAD
18. TH PLANTATIONS
19. UEM WORLD
20. UMW HOLDINGS BERHAD

Analisa Tren Keuntungan Ekonomi (EP) G-20 dari 2005 hingga 2008 (RM juta)



Sumber: Laporan Kewangan G-20 dan Analisis PCG

Indeks Jumlah Pulangan Kepada Pemegang Saham (14 Mei 2004 - 1 September 2009)



Sumber: Bloomberg dan Analisis PCG

Cabaran Transformasi

Apabila Fasa 3 Program Transformasi ini hampir selesai dilaksanakan, beberapa isu kritikal perlu ditangani termasuk:

- i. Menguruskan modal insan – jurang yang luas dalam pengurusan bakat, kemahiran pelaksanaan dan keupayaan;
- ii. Menyelaraskan kepentingan semua pemegang berkepentingan utama – menjelaskan dan mengimbangi peranan pembangunan dan komersial serta menguruskan ekspektasi pemegang berkepentingan;
- iii. Komunikasi berkesan dengan pihak pemegang berkepentingan – berkomunikasi secara terbuka mengenai objektif dan faedah program bagi meningkatkan penerimaan oleh pemegang berkepentingan; dan
- iv. Mengukuhkan sistem penyampaian kepada orang awam – sektor awam perlu menyokong usaha-usaha GLC.



Agen Transformasi Memainkan Peranan Utama

	Keutamaan	Peranan Utama
Pengurusan Tertinggi GLC	- Mendefinisikan semula aspirasi - Menguatkan momentum pelaksanaan - Memupuk penerimaan pemegang berkepentingan	- Membangun pelan transformasi perniagaan yang merangkumi aspirasi GLCT - Memupuk keupayaan pelaksanaan - Menanam keyakinan untuk berubah di kalangan pekerja - Berhubung secara aktif dengan pemegang berkepentingan bagi mendapatkan penerimaan mereka
Lembaga Pengarah GLC	Meningkatkan keupayaan Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Atasan	- Mempercepatkan penambahbaikan kritikal kepada Lembaga Pengarah GLC - Memudahkan pembinaan keupayaan CEO dan Pengurusan Atasan
GLICs	Terus memacu dan mempercepatkan perubahan sebagai pemegang berkepentingan yang aktif	- Menginstitusikan keupayaan bagi mempergiatkan pemantauan GLC secara aktif - Pelaksanaan untuk model-contoh GLCT
Kerajaan	Terus memberi sokongan dan komitmen jitu kepada program GLCT	- Memberi peluang untuk membina pemahaman dan sokongan yang lebih luas di kalangan agensi Kerajaan - Memberi peluang untuk meneruskan amalan terbaik dan garis panduan dalam usaha transformasi di sektor awam
PCG	Mengekalkan momentum Program GLCT melalui Fasa 3	- Menginstitusikan inisiatif - Menyediakan persekitaran bagi menghasilkan syarikat unggul di peringkat serantau/global - Fokus kepada komunikasi dan penglibatan pemegang berkepentingan - Menggiatkan pemantauan tahap-Program dan tekanan prestasi

Sumber: Analisis PCG.

Program GLCT ini akan memberi fokus untuk menggiatkan usaha ke arah menginstitusikan amalan terbaik dalam semua GLC demi mencapai objektifnya. Sehubungan itu, peranan kelima-lima agen perubahan utama Program tersebut yang meliputi Pengurusan Tertinggi GLC, Lembaga Pengarah, GLIC, PCG serta pihak Kerajaan perlu bergerak selari dengan persekitaran yang semakin mencabar. Secara kolektifnya, momentum transformasi harus ditingkatkan dengan keanjalan untuk bertindak balas dengan pantas terhadap tekanan persaingan.

Kesimpulan

GLC kekal komited kepada matlamat jangka panjang Program Transformasi. Di sebalik pencapaian setakat ini, namun lebih banyak penambahbaikan perlu dilaksanakan untuk mengekalkan prestasi dalam persekitaran persaingan yang semakin mencabar. Seperti program transformasi jangka panjang yang lain, adalah kritikal supaya mandat Program diberi penekanan secara berterusan, memberi fokus kepada pelaksanaan dan sentiasa menilai pencapaian program. Ini bagi memastikan matlamat transformasi dapat di capai menjelang 2015.



Selari dengan trend global pelaburan swasta, keseluruhan perbelanjaan pembangunan PABK utama dijangka berkurangan 6.8% kepada RM68.8 bilion (2008: 43.2%; RM73.8 bilion) pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam negeri dijangka meningkat ketara 21.4% kepada RM47.5 bilion (2008: 17.4%; RM39.1 bilion) dengan sebahagian besar pelaburan modal dibuat dalam industri minyak dan gas, penjanaan kuasa, penghantaran dan pembahagian, perumahan, pengangkutan awam, telekomunikasi dan infrastruktur seperti jalan dan jambatan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga, PABK telah meningkatkan usaha niaga di luar negara untuk mengembangkan dan mempelbagaikan kepentingan perniagaan terutamanya dalam sektor minyak dan gas, telekomunikasi dan pembinaan.

Kedudukan kewangan PABK disatukan dijangka mencatat lebih keseluruhan lebih tinggi kepada RM13.5 bilion (2008: -RM14.2 bilion) disebabkan penurunan ketara perbelanjaan mengurus dan

pembangunan melebihi pengurangan hasil. PABK terus memainkan peranan penting dalam ekonomi melalui penglibatan usaha niaga komersial, pembangunan koridor dan penyediaan kemudahan awam, pendidikan, pembangunan kemahiran dan latihan serta aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan merangkumi sektor kerajaan dan PABK. Pada tahun 2009, sektor awam disatukan dijangka mencatatkan lebih akaun semasa lebih tinggi kepada RM91.4 bilion (2008: RM82.7 bilion), sebahagian besar disumbangkan oleh PABK. Kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatatkan defisit keseluruhan RM33.1 bilion atau 4.8% daripada KDNK (2008: -RM41.7 bilion; -5.6%) dengan perbelanjaan pembangunan kekal tinggi pada RM124.5 bilion (2008: RM124.4 bilion).

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2008 – 2010

	RM juta			Perubahan (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Hasil	128,350	122,937	114,258	15.9	-4.2	-7.1
Perbelanjaan mengurus	165,025	175,066	156,261	22.2	6.1	-10.7
Lebihan semasa PABK	119,360	143,574	145,778	-8.2	20.3	1.5
Baki semasa sektor awam	82,684	91,445	103,775			
Perbelanjaan pembangunan	124,369	124,546	110,245	29.1	0.1	-11.5
Sektor kerajaan	50,522	55,747	55,087	12.9	10.3	-1.2
PABK	73,846	68,799	55,158	43.2	-6.8	-19.8
Baki keseluruhan	-41,685	-33,101	-6,470			
% kepada KDNK	-5.6	-4.8	-0.9			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2010.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Prospek 2010

Meneruskan kembali konsolidasi fiskal...

Ekonomi dalam negeri pada tahun 2009 yang dipacu oleh perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta yang lebih tinggi dijangka beransur pulih pada tahun 2010. Teras dasar fiskal pada tahun 2010 akan menumpukan usaha memperkukuhkan dan mengekalkan proses pemulihan dengan merancang lagi permintaan dalam negeri. Aktiviti ekonomi akan dirancarkan melalui peningkatan kembali penggunaan dan pelaburan swasta serta memastikan semua projek dan program sektor awam di bawah PRE dan RMKe-9 disiapkan mengikut jadual. Pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) dan bidang keberhasilan utama (KRA) di pelbagai peringkat sektor awam akan meningkatkan lagi akauntabiliti dan menepati sasaran penyampaian hasil.

Berikutan penguncupan ekonomi pada tahun 2009 dan pemulihan sederhana pada tahun 2010, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan 8.4% kepada RM148.4 bilion. Selaras dengan pengurusan kewangan berhemat, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan mengambil kira sumber hasil yang diperoleh bagi memastikan kemapanan dasar fiskal dan kestabilan makroekonomi. Sehubungan itu, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan berkurangan 11.3% kepada RM189.5 bilion berbanding tahun 2009. Aktiviti sektor swasta dijangka meningkat berikutan pemulihan ekonomi dan ini membolehkan Kerajaan mengkonsolidasikan kedudukan kewangan supaya dasar fiskal dapat dirangka dengan lebih fleksibel semasa krisis. Walaupun kutipan hasil rendah, namun dengan perbelanjaan berhemat, kedudukan defisit Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah baik kepada 5.6% daripada KDNK. Pembiayaan defisit akan diperoleh sebahagian besar daripada sumber dalam negeri yang tidak memberi kesan inflasi.

Perbelanjaan mengurus dijangka menurun ketara 13.7% kepada RM138.3 bilion disebabkan perbelanjaan lebih rendah dalam komponen utama seperti *subsidi* (RM20.9 bilion), *bekalan dan perkhidmatan* (RM20.8 bilion) serta *geran kepada*

badan berkanun (RM11.2 bilion). Walaupun dengan pelaksanaan disiplin fiskal melalui pengurangan perbelanjaan tidak kritikal, Kerajaan akan memastikan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam tidak terjejas. Pada masa yang sama, kebajikan rakyat terutamanya golongan mudah terjejas terus diberi perhatian. Peruntukan lebih rendah untuk subsidi, antaranya disebabkan ketiadaan subsidi jaminan makanan, pemberian rebat tunai, subsidi gula, tepung gandum dan roti. Walau bagaimanapun, subsidi bahan api mendapat peruntukan lebih besar berjumlah RM10 bilion, meningkat 10.7% dipengaruhi kenaikan harga minyak mentah. *Emolumen* (RM42.2 bilion), *bayaran khidmat hutang* (RM15.9 bilion) serta *pencen dan ganjaran* (RM10.8 bilion) turut bertambah dengan peningkatan komitmen Kerajaan.

Perbelanjaan pembangunan akan diperuntukkan RM51.2 bilion pada tahun 2010, 4.4% lebih rendah berbanding tahun 2009 berikutan projek yang dijadualkan siap di bawah RMKe-9 telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pengurangan ini tidak akan melembapkan aktiviti ekonomi. Ini berikutan pemulihan ekonomi global yang disokong oleh langkah fiskal dan kewangan yang berkesan dijangka dapat mengembalikan momentum pertumbuhan yang berterusan. Di samping meneruskan proses pemulihan ekonomi jangka pendek, Bajet 2010 juga akan menumpukan usaha memperkukuhkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Tumpuan akan diberi kepada usaha menyokong transformasi ke arah ekonomi berpendapatan tinggi melalui inisiatif sektor swasta. Bagi mencapai hasrat ini, sumber negara akan terarah kepada pengukuhan pertumbuhan bidang khusus (*niche areas*) dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Keutamaan akan diberi terhadap pembangunan modal insan yang merupakan tunjang kepada transformasi manakala pembangunan wilayah terus diberi perhatian selari dengan usaha meneruskan pembangunan holistik dan mapan. Program dan projek akan terus dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Peruntukan sektor *perkhidmatan ekonomi* akan digunakan untuk pengangkutan dan pembangunan infrastruktur (RM6.7 bilion), membina



keupayaan perdagangan dan perindustrian (RM4.4 bilion), menggalakkan produktiviti pertanian dan merancakkan pembangunan luar bandar (RM3.1 bilion). Kemudahan awam menerima peruntukan besar sebanyak RM3.7 bilion, terutamanya bagi pembekalan air dan elektrik di luar bandar serta perkhidmatan pembetungan. Pembangunan di lima wilayah koridor akan dipercepatkan (RM3.5 bilion) dengan fokus terhadap penyediaan kemudahan infrastruktur awam, menambah baik sistem pengairan, saluran dan infrastruktur pertanian serta membangunkan kemudahan berkaitan pelancongan.

Pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan kebajikan merupakan keutamaan di bawah sektor *perkhidmatan sosial*. Subsektor pendidikan dan latihan diberi peruntukan terbesar sebanyak RM11.1 bilion untuk memenuhi permintaan tenaga buruh mahir dan berpengetahuan. Sejumlah RM4.5 bilion diperuntukkan bagi pendidikan tinggi, RM2.9 bilion pendidikan rendah dan menengah manakala RM1.2 bilion untuk program latihan kemahiran. Akses terhadap penjagaan kesihatan berkualiti dan berkemampuan di bandar dan luar bandar akan terus dipertingkatkan. Peruntukan sebanyak RM3.6 bilion akan digunakan bagi membina dan menaik taraf hospital dan klinik serta membeli peralatan perubatan. Perumahan diperuntukkan RM1.5 bilion terutamanya bagi membina rumah kos rendah dan kuarters kakitangan awam. Sementara itu, peruntukan lebih tinggi sebanyak RM2.6 bilion diberi bagi memperbaiki kemudahan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan di peringkat tempatan.

Hasil Kerajaan Persekutuan dianggap lebih rendah 8.4% kepada RM148.4 bilion terutamanya disebabkan kemerosotan pungutan PITA dan pulangan pelaburan. Pengeluaran dan harga minyak mentah yang lebih rendah pada tahun 2009 memberi kesan terhadap hasil berkaitan petroleum. Walaupun terdapat penurunan 2.8% dalam hasil cukai, terimaan daripada komponen utama seperti cukai pendapatan syarikat dan individu, duti eksport dan eksais serta duti setem dijangka bertambah baik selari dengan pemulihan ekonomi dalam dan luar negeri.

Kerajaan komited terhadap kemapanan dan tanggungjawab fiskal dalam jangka masa sederhana di samping menyokong pemulihan ekonomi. Bagi tujuan ini, langkah terus dilaksanakan bagi mempelbagaikan sumber pertumbuhan, meluaskan asas hasil serta mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan minyak. Kualiti dan kecekapan perbelanjaan Kerajaan akan dipertingkatkan manakala perolehan barangan dan perkhidmatan dibuat melalui kaedah yang kompetitif bagi memastikan ketelusan dan *value for money*. Subsidi akan dikaji semula bagi memastikan ianya terus berkurangan dan mencapai kumpulan sasaran. Kerajaan juga akan memastikan penggunaan aset yang optimum. Pentadbiran cukai akan terus dipertingkatkan. Melalui pengurusan kewangan berhemat dan pelaksanaan dasar yang pragmatik, kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan akan terus kukuh. Berikutan pemulihan ekonomi yang semakin jelas dan teguh, konsolididasi fiskal akan diteruskan.

